

Tarikh : 31/01/2021

FWD Takaful Berhad
Level 29 Menara Shell,
211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

FWD Takaful Berhad
No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M)
Level 29 Menara Shell,
211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

P 603 2771 7888
F 603 2710 7800

fwd.com.my

Endorsemen Ke Atas Sijil Induk FWD Kasih

No. Sijil Induk	:	GC000003
Pemilik Sijil Induk	:	FWD Takaful Berhad
No. Endorsemen	:	01/2021

Kami ingin memaklumkan bahawa bermula dari tarikh 31/01/2021, Sijil Induk FWD Kasih akan dibaca dan dipadankan dengan Lampiran A yang disediakan di dalam endorsemen ini. Maklumat-maklumat lain pada Sijil Induk FWD Kasih anda kekal dan tiada perubahan.

Sila rujuk kepada Lampiran A yang dilampirkan pada endorsemen ini.

Sekiranya anda memerlukan penjelasan lebih lanjut, sila hubungi wakil khidmat pelanggan kami melalui saluran yang berikut:

 Emel kami kasih.my@fwd.com	 Hubungi kami Malaysia Hotline Antarabangsa 03 2771 7737 603 2771 7771 Isnin - Khamis 9am - 6pm, Jumaat 9am - 5pm Kecuali Hujung Minggu dan Cuti Umum	 Tanya kami Lihat Soalan Lazim kami. Anda mungkin dapati kami sudah menjawab soalan anda.
---	--	--

Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada keluarga FWD Takaful untuk bersama-sama raikan kehidupan. Kami sentiasa melindungi anda.

Yang Ikhlas,

Group Business Services Department
FWD Takaful Berhad

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

Perubahan kepada Sijil Induk adalah seperti berikut:

Bahagian Perubahan	Butiran Sedia Ada	Butiran Baru
<p>Pengecualian (Manfaat Kematian)</p>	<p>Bunuh Diri</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat kematian di bawah Sijil ini jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada bunuh diri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful.</p> <p>Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.</p> <p>Penyakit berjangkit</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat kematian di bawah Sijil ini jika tuntutan yang dibuat disebabkan oleh penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.</p>	<p>Bunuh Diri</p> <p>Kami tidak akan membayar manfaat kematian di bawah Sijil ini jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada bunuh diri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful.</p> <p>Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.</p>
<p>Tempoh Menunggu</p>	<p>Tempoh menunggu</p> <p>Terdapat tempoh menunggu yang terpakai di bawah Sijil ini. Ia adalah situasi di mana kami tidak akan membayar sesuatu manfaat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi jika kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi.</p> <p>Kami akan mengembalikan tabarru yang tidak digunakan, jika kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi.</p>	<p>Tempoh menunggu</p> <p>Terdapat tempoh menunggu yang terpakai di bawah Sijil ini. Ia adalah situasi di mana kami tidak akan membayar sesuatu manfaat dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi jika kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi.</p> <p>Kami akan mengembalikan tabarru yang tidak digunakan, jika kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi.</p>

Tarikh : 28/10/2021

FWD Takaful Berhad
Level 29 Menara Shell,
211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

FWD Takaful Berhad
No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M)
Level 29 Menara Shell,
211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur
P 603 2771 7888
F 603 2710 7800

fwd.com.my

Endorsemen Ke Atas Sijil Induk FWD Kasih

No. Sijil Induk	:	GC000003
Pemilik Sijil Induk	:	FWD Takaful Berhad
No. Endorsemen	:	02/2021

Kami ingin memaklumkan bahawa bermula dari tarikh 28/10/2021, Sijil Induk FWD Kasih akan dibaca dan dipadankan dengan Lampiran A yang disediakan di dalam endorsemen ini. Maklumat-maklumat lain pada Sijil Induk FWD Kasih anda kekal dan tiada perubahan.

Sila rujuk kepada Lampiran A yang dilampirkan pada endorsemen ini.

Sekiranya anda memerlukan penjelasan lebih lanjut, sila hubungi wakil khidmat pelanggan kami melalui saluran yang berikut:

 Emel kami kasih.my@fwd.com	 Hubungi kami Malaysia Hotline Antarabangsa 03 2771 7737 603 2771 7771 Isnin - Khamis 9am - 6pm, Jumaat 9am - 5pm Kecuali Hujung Minggu dan Cuti Umum	 Tanya kami Lihat Soalan Lazim kami. Anda mungkin dapati kami sudah menjawab soalan anda.
---	--	--

Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada keluarga FWD Takaful untuk bersama-sama raikan kehidupan. Kami sentiasa melindungi anda.

Yang Ikhlas,

Group Business Services Department
FWD Takaful Berhad

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

Perubahan kepada Sijil Induk adalah seperti berikut:

Bahagian Perubahan	Butiran Sedia Ada	Butiran Baru
<p>Menyerahkan Jadual Sijil Takaful</p>	<p>Menyerahkan Jadual Sijil Takaful</p> <p>Orang Dilindungi boleh menyerahkan (menamatkan) perlindungan takaful ini pada bila-bila masa. Jika Jadual Sijil Takaful dibatalkan, perlindungan takaful ini akan tamat dari tarikh kami membatalkan Jadual Sijil Takaful. Kami akan menolak daripada sumbangan yang telah dibayar, jumlah yang telah digunapakai untuk tempoh perlindungan yang telah diberikan dan memulangkan jumlah yang tidak digunakan.</p> <p>Jumlah di bawah RM10</p> <ul style="list-style-type: none"> – Jika jumlah yang perlu dipulangkan adalah RM10 atau di bawah RM10 dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank Orang Dilindungi, ia akan didermakan kepada badan kebajikan. – Jika jumlah yang perlu dipulangkan lebih daripada RM10, dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank Orang Dilindungi, kami akan memindahkan jumlah berkenaan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. <p>Jadual Sijil Takaful tidak boleh dihidupkan semula (dimulakan semula) setelah ia dibatalkan (ditamatkan).</p> <p>Jika kami diarahkan untuk membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi dalam 15 hari tempoh percubaan, kami akan memulangkan sepenuhnya sumbangan yang telah dibayar - lihat muka surat 3 (15 hari tempoh percubaan) untuk butiran lanjut.</p> <p>! Apa yang perlu dilakukan</p> <ul style="list-style-type: none"> – Hubungi kami. <p>Apa yang kami akan lakukan</p> <ul style="list-style-type: none"> – Menyemak permohonan anda dan membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi. 	<p>Menyerahkan Jadual Sijil Takaful</p> <p>Orang Dilindungi boleh menyerahkan (menamatkan) perlindungan takaful ini pada bila-bila masa. Jika Jadual Sijil Takaful dibatalkan, perlindungan takaful ini akan tamat dari tarikh kami membatalkan Jadual Sijil Takaful. Kami akan menolak daripada sumbangan yang telah dibayar, jumlah yang telah digunapakai untuk tempoh perlindungan yang telah diberikan dan memulangkan jumlah yang tidak digunakan.</p> <p>Jumlah di bawah RM10</p> <ul style="list-style-type: none"> – Jika jumlah yang perlu dipulangkan adalah RM10 atau di bawah RM10 dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank Orang Dilindungi, ia akan didermakan kepada badan kebajikan. <p>Jumlah lebih daripada RM10</p> <ul style="list-style-type: none"> – Jika jumlah yang perlu dipulangkan lebih daripada RM10, dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank Orang Dilindungi, kami akan memindahkan jumlah berkenaan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. <p>Jadual Sijil Takaful tidak boleh dihidupkan semula (dimulakan semula) setelah ia dibatalkan (ditamatkan).</p> <p>Jika pembayaran sumbangan tahun pertama dibayar menggunakan Baucar Perlindungan Tenang, sebarang Tabarru' yang tidak digunakan akan dikembalikan ke Dana Baucar Perlindungan Tenang sekiranya berlaku penyerahan Jadual Sijil Takaful.</p> <p>Jika kami diarahkan untuk membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi dalam 15 hari tempoh percubaan, kami akan memulangkan sepenuhnya sumbangan yang telah dibayar - lihat muka surat 3 (15 hari tempoh percubaan) untuk butiran lanjut.</p> <p>Jika pembayaran sumbangan Takaful tahun pertama dibayar menggunakan Baucar Perlindungan Tenang, amaun baucar tersebut akan dikembalikan ke Dana Baucar Perlindungan Tenang supaya ianya boleh digunapakai semula.</p> <p>! Apa yang perlu dilakukan</p> <ul style="list-style-type: none"> – Hubungi kami. <p>Apa yang kami akan lakukan</p> <ul style="list-style-type: none"> – Menyemak permohonan anda dan membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Tarikh : 05/08/2022

FWD Takaful Berhad
Tingkat 29 Menara Shell,
211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

FWD Takaful Berhad
No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M)
Tingkat 29 Menara Shell,
211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur
P 603 2771 7888
F 603 2710 7800

fwd.com.my

Endorsemen Ke Atas Sijil Induk FWD Kasih

No. Sijil Induk	:	GC000003
Pemilik Sijil Induk	:	FWD Takaful Berhad
No. Endorsemen	:	03/2022

Kami ingin memaklumkan bahawa bermula dari tarikh 05/08/2022, Sijil Induk FWD Kasih akan dibaca dan dipadankan dengan Lampiran A yang disediakan di dalam endorsemen ini. Endorsemen ini tidak terpakai kepada sijil yang telah dikeluarkan sebelum tarikh perubahan ini. Maklumat-maklumat lain pada Sijil Induk FWD Kasih anda kekal dan tiada perubahan.

Sila rujuk kepada Lampiran A yang dilampirkan pada endorsemen ini.

Sekiranya anda memerlukan penjelasan lebih lanjut, sila hubungi wakil khidmat pelanggan kami melalui saluran yang berikut:

**Emel kami**

kasih.my@fwd.com

**Hubungi kami**

Malaysia Hotline Antarabangsa
03 2771 7737 603 2771 7771
Isnin - Khamis 9am - 6pm, Jumaat 9am - 5pm
Kecuali Hujung Minggu dan Cuti Umum

**Tanya kami**

Lihat Soalan Lazim kami.
Anda mungkin dapati kami sudah
menjawab soalan anda.

Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada keluarga FWD Takaful untuk bersama-sama raikan kehidupan. Kami sentiasa melindungi anda.

Yang Ikhlas,

Group Business Services Department
FWD Takaful Berhad

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

Perubahan kepada Sijil Induk adalah seperti berikut:

Bahagian Perubahan	Butiran Sedia Ada	Butiran Baru
<p>Keterangan Manfaat</p>	<p>Manfaat Kematian</p> <p>Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi (bukan akibat kemalangan). Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar.</p> <p>Manfaat Khairat Kematian</p> <p>Kami akan membayar RM3,000 manfaat tambahan apabila Orang Dilindungi meninggal dunia. Kami akan membayar manfaat ini sebaik sahaja kami menerima sijil kematian Orang Dilindungi.</p> <p>Manfaat kematian disebabkan oleh kemalangan</p> <p>Kami akan membayar 200% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar. Kami senaraikan definisi kemalangan pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting).</p> <p>Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)</p> <p>Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika Orang Dilindungi mengalami hilang upaya penuh dan kekal. Kami senaraikan definisi HUPK pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting). Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar.</p> <p>Badal (upah) Haji / Derma kepada badan kebajikan</p> <p>Jika Orang Dilindungi menuntut manfaat hilang upaya penuh dan kekal, mereka boleh meminta kami untuk mengaturkan Badal Haji bagi pihak mereka. Sebagai alternatif, jika Orang Dilindungi meninggal dunia semasa tempoh Sijil, penama boleh meminta kami untuk mengaturkan Badal Haji bagi pihak Orang Dilindungi.</p> <p>Sekiranya kami meluluskan, kami akan mengatur, dan membayar kos Badal Haji bagi Orang Dilindungi melalui panel penyedia perkhidmatan kami. Sijil penyempurnaan Badal Haji akan diserahkan kepada penama apabila Badal Haji selesai.</p> <p>Jika Orang Dilindungi bukan beragama Islam, kami akan mendermakan RM2,500 kepada badan kebajikan bagi pihak Orang Dilindungi.</p>	<p>Manfaat Kematian</p> <p>Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi (bukan akibat kemalangan). Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar.</p> <p>Manfaat kematian disebabkan oleh kemalangan</p> <p>Kami akan membayar 200% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar. Kami senaraikan definisi kemalangan pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting).</p> <p>Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)</p> <p>Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika Orang Dilindungi mengalami hilang upaya penuh dan kekal. Kami senaraikan definisi HUPK pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting). Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar.</p>